| Tatacara aduan | | ✓ | | Aduan adalah ekspresi mengenai ketidakpuasan hati orang ramai/pelanggan terhadap perkhidmatan yang berkait dengan TPOR yang tidak dicapai sama ada dari segi tempoh yang dijanjikan, kualiti perkhidmatan ataupun layanan yang diterima. | Unti Perkhidmatan Pelanggan telah ditubuhkan untuk memudahkan orang ramai menyaulurkan aduan mereka mengenai perkhidmatan yang diberikan oleh Hospital. Unit ini juga membolehkan orang ramai untuk mengetahui keberkesanan sistem pemulihan perkhidmatan dan pengendalian aduam orang ramai<br><br>Disamping itu, Unit aduan dapat memastikan akauntabiliti perkhidmatan pelanggan yang setentunya menyumbangkan ke arah peningkatan integriti, kredibiliti dan imej perkhidmatan.<br><br>Aduan orang ramai diterima melalui telefon, surat, perjumpaan sendiri, dan lain-lain. Setiap aduan akan dicatit ke dalam borang aduan dan log book yang mana akan dikendalikan mengikut carta aliran pengendalian aduan<br><br>Setiap aduan yang diterima akan dikumpulkan mengikut kategori aduan dan disamping itu, kategori aduan dipecahkan lagi mengikut kategor i perkhidmatan. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Ahli Lembaga Pelawat Hospital (LPH) | | | ✓ | Untuk memberikan input, pandangan dan maklumbalas bagi memperbaiki dan mempertingatkan lagi kualiti / mutu perkhidmatan dan penjagaan kesihatan kepada orang ramai agar lebih memuaskan dan efisien. | Lawatan dari[ada Ahli Lembaga Pelawat Hospital sekurang-kurangnya 2 kali dalam setahun. Sesi pertama telah dilaksanakan pada 2012-2014 |
| Borang Penilaian Risiko Liputan Perubatan | | ✓ | | Mengenal pasti pemberian perkhidmatan liputan perubatan | Borang penilaian risiko ini akan dapat membantu pihak Jabatan dalam mengenalpasti permohonan liputan perubatan daripada Jabatan Kerajaan dab bukan Kerajaan yang berkelayakan menerima liputan perubatan |
| Rekod rujukan bagi pesakit yagn dirujuk ke luar negeri dan dalam negeri (JPMC/GJPMC) | | ✓ | | Sebagai rekod rujukan pesakit yang dirujuk ke luar negeri dan dalam negeri (JPMC/GJPMC). | Mengenalpasti jumlah pesakit yang dirujuk keluar negeri mengikut jenis rawatan / prosedur |
| Proses pengambilan jawatan Allied Health Professional (AHP) | | ✓ | | Agar setiap penerimaan permohonan diproses dengan teratur dan lengkap khas bagi jawatan-jawatan AHP di bawah Jabatan Perkhidmatan Perubatan. | Dengan adanya MPK ini, ianya sangat membantu dalam proses kerja bagi pengambilan AHP's |
| Program membudayakan Pemedulian Pelanggan melalui konsep '3S' Senyum, Sopan, Sabar | | | ✓ | Membudayakan warga hospitaluntuk lebih bersikap pemedulian sesuai dengan konsep 3S. | Latiha program dikategorikan mengikut profession kesihatan iaitu Bahagian 2,3,4 dan 5<br><br>Latihan ini khas dirancang untuk frontliners iaitu para jururawat, Allied Health Professionals (AHP) dan Pegawai Perubatan |
| Menyelaraskan database bagi SOP dan Manual Prosedur Kerja bagi perkhidmatan-perkhidmatan di bawah Jabatan Perkhidmatan Perubatan. | | ✓ | | Salah satu elemen penting dalam memberi penekanan besar kepada peningkatan kualiti penjagaan kesihatan.<br><br>Untuk panduan dan rujukan bagi pegawai dan kakitangan. | Pembahagian database dikategorikan mengikut perkhidmatan - perkhidmatan klinikal dan bukan klinikal<br><br>Manakala perkhidmatan klinikal ianya akan dikemaskini dan diklasifikasikan mengikut perkhidmatan pengkhususan (Specialty Services) |
| Peningkatan kapasiti sumber tenaga manusia | | | ✓ | Mempertingkatkan ilmu pengetahuna khusus kepada bidang klinikal seta up-to-date sebaya dengannya. | Program peningkatan sumber tenaga manusia memfokuskan kepada meningkatkan program peningkatan perkhidmatan klinikal di bidang yang telah dikenalpasti oleh Jabatan |
| **HOSPITAL PENGIRAN ISTERI HAJAH MARIAM (PIHM) TEMBURONG** | | | | | |
| Perkembangan dan pembaikan infrastruktur dan kemudahan hospital | | ✓ | | Memperkembangkan serta memperbisaikan lagi infrastruktur, ruang dan fasiliti yang terdapat di hospital PIHM bagi meningkatkan lagi keselesaan pesakit dan orang ramai, serta pegawai dan kakitangan yang menjalankan tugas. | Projek-projek penaiktarafan, dan pembaikan bangunan dan premis hospital dijalankan mengikut keperluan semasa |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Perkembangan perkhidmatan (Pembaharuan dan Pengurusan) | | ✓ | | Untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan perubatan di Negara Brunei Darussalam disamping memberikan perkhidmatan perubatan yang komprehensif, mudah dicapai dan selamat, khususnya untuk rakyat dan penduduk di Daerah Temburong. | Dilaksanakan melalui inisiatif - inisiatif yang dikenalpasti selaras dengan keperluan dan keutamaan dari masa ke semasa |
| **JABATAN PERKHIDMATAN MAKMAL** | | | | | |
| Penggunaan *barcode labels* yang berlainan warna (kuning) untuk spesimen dari Bahagian Kemalangan & Kecemasan. | | ✓ | | Memudahkan dan mempercepatkan pengenalan dan pengendalian spesimen dari bahagian yang memerlukan keputusan darah secepat mungkin iaitu Bahagian Kemalangan dan Kecemasan. | Setiap hari Bahagian Makmal Klinikal Kimia dan juga Makmal Hematologi menerima jumlah spesimen yang banyak dari wad dan klinik yang terdapat di Hospital ini dan juga dari Hospital lain dan klinik kesihatan di negara ini. Ini termasuk juga spesimen dari Bahagian Kemalangan dan Kecemasan yang sering memohon ujian STAT (cepat) bagi pesakit yang seringkali adalah berada di tahap kritikal.<br><br>Penggunaan sistem barcode label kuning ini juga terdapat di Hospital besar di negara luar seperti Singapore General Hospital yang juga menerima spesimen yang banyak dalam sehari.<br><br>Sistem ini mula di implementasi pada 19 November 2014 |
| Penempatan peralatan Blood Gas Analyser [Radiometer ABL 90 di beberapa unit critical care (SCBU) RIPAS dan Casualty KB] | | ✓ | | Memastikan pemantauan yang cepat terhadap kandungan Blood Gas dan analyte lain dalam darah bagi pesakit yang dalam keadaan kritikal. | Pesakit damit yang ada di Unit SCBU perlu mendapat kawalan rapi disebabkan keadaan mereka yang tidak stabil. Peralatan khisis seperti Blood Gas Analyzer dapat membantu untuk memantau keadaan blood gas dan analyte lain di dalam darah yang berkenaan<br><br>Peralatan yang diperlukan mestilah memenuhi kriteria yang khusus untuk penjagaan bayi. Kriteria yang diperlukan ialah jumlah darah yang terendah, keputusan darah yang cepat, automated QC, on board reagent and calibration. Keperluan method validation dan remote monitoring juga ditekankan |
| Menjalankan sepenuhnya ujian Lupus Anticoagulant | | ✓ | | Untuk penjimatan perbelanjaan menghantar ujian Lupus Anticoagulant keluar negeri dan juga untuk mempercepatkan keputusan ujian ini di beri kepada para doktor. | Ujian Lupus Anticoagulant adalah salah satu ujian yang dipohonkan di Bahagian Makmal Hematologi dari klinik berkenaan.<br><br>Ujian ini dihantar kemakmal luar negeri untuk penganalisaan<br><br>Oleh kerana permohonan yang makin bertambah dan kakitangan yang berkelulusan untuk menjalankan ujian ini, adalah diputuskan agar ujian ini dibuat di dalam negeri sahaja iaitu di Hematologi, Hospital RIPAS |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Penggunaan Sistem Blood culture yang baru iaitu Virtuo A-unit | | ✓ | | Bagi mengganti mesin blood culture yang sudah lama dan sering kali berlaku kerosakan (memberikan *false positive* ).<br><br>Bagi menampung penyimpanan botol spesimen yang lebih banyak diterima untuk ujian *Blood Culture* . | Setelah dibuat penilaian, sebuah mesin telah pun diluluskan pembeliannya da 26 Ogos 2014 bagi menampong dan mengganti mesin lama |
| Ujian MIC (*Minimum Inhibitory Concentration* ) untuk antibiotik tertentu bagi Neisseria gonorrhoeae & Burkholderia pseudomallei | | ✓ | | Untuk memastikan keputusan ujian antibiotik sensitivity yang diebrikan adalah lebih tepat untuk rawatan lebih berkesan dan efektif | Burkholderia Pseudomallei ialah organisma yang boleh menyebabkan jangkitan kepada pesakit yang immunocompromised seperti pesakit diabetic. Rawatan jangkitan ini memerlukan masa yang lama dan bergantung kepada situasi pesakit.<br><br>Neisseria Gnorrhoeae ialah organisma yang menyebabkan gonorrhoe (penyakit kelamin). Tujuan ujian ini ialah untuk memenuhi panduan WHO |
| Menjadikan Makmal Virologi sebagai *"WHO National Measles and Rubella Laboratory"* yang diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) | | ✓ | | Memastikan high *standard of laboratory surveillance* bagi mendokong aktiviti ke arah pembasmian penyakit *measles* di Negara Brunei Darussalam. | Dr Youngmee Jee, Technical Specialist, expannded programme on Immunisation WHO Western Pacific Regional Office WHO telah membuat lawatan on-site ke Makmal Virologi, Sumbiling pada 3hb Julai 2014. Tujuaannya adalah bagi membuat accreditation assessment dalam capacity dan capability makmal dan kakitangan menjalani ujian serologi bagi penyakit measles dan rubella virus |
| Memperkenalkan *'Allergy testing'* di Imunologi *Lab Services* di Jabatan Perkhidmatan Makmal. | | ✓ | | Untuk menampung permohonan *Allergy Testing yang* makin bertambah setiap tahun dan juga untuk menjimatkan kos perbelanjaan penganalisaan ujian dibuat di luar negeri. Serta, untuk mengurangkan *Turnaround Time* keputusan ujian dapat diberikan. | Ujian allergy selalunya dipohonkan oleh Bahagian Klinik Kulit atau ENT. Perkhidmatan Makmal Immunologi sebelum ini menghantar Allerg Test ke sebarang laut. Laporan Allergy Test akan diterima dalam tempoh kira-kira empat minggu. |
| Menyediakan 'Glycerolised red cells' terutama bagi Darah Rhesus Negative', 'rare phenotype' dan darah yang akan mansuh | | ✓ | | Membolehkan pembekuan dan seterusnya penyimpanan sel-sel merha bagi jangkamasa yang lama, iaitu sehingga 10 tahun. | Sel-Sel darah merah yang didermakan akan mansuh pada setiap 42 hari jika tidak digunakan. Darah adalah amat penting untuk menyelamatkan nyawa para pesakit dan juga tidak senang didapati. Oleh demikian proses pembekuan sel sel darah merah amat penting bagi jenis darah atau rare blood seperti darah yang berjenis Rhesus Negative. Ini juga termasuk darah seperti O Bombay ParaBombay, Duffy-Negative dan sebagainya. |
| Penggunaan kad penderma Darah tersendiri (Donor Card) bagi setiap penderma darah. | | ✓ | | Bagi memudahkan proses pendaftaran penderma darah melalui sistem berkomputer BruHIMs disamping membuktikan bahawa pemegang kad adalah seorang penderma darah. | Lazimnyas penderma darah akan di beri s ebuah buku untuk catitan rekod pendermaan darah mereka. Buku ini akan menjadi tebal jika penderma telah banyak menderma. Selain itu kertas catitan tidak dapat di beri terus oleh kerana kesebikan sewaktu kempen derma darah, Bermula dari 14 Jun 2014, sistem kad pennderma ini telah dimulakan dimana para penderma akan disediakan dan diberi kad tersebut yang mengandungi butir penderma darah dan juga makumat lain yang berkenaan seperti nama, nombor kad pintar, nombor bersiri penderma darah dan tarikh lahir penderma |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Menyediakan *'Blood Donation Handbook 2nd Edition'* dan buku maklumat dan panduan menderma darah. | | ✓ | | Blood Donation Handbook 2nd Edition' adalah untuk menyeragamkan dan mengukuhkan sistem Pendermaan Darah dan Proses Pek darah di Negara Brunei Darussalam.<br><br>Buku maklumat dan panduan menderma darah adalah untuk memberi maklumat kepada orang awam terutama sekali bagi mereka yang berhasrat untuk menderma darah buat pertama kali. | Blood donation handbook 2nd edition disediakan sebagai panduan kepada pakar-pakar perubatan dan kakitangan pusat pendermaan darah mengenai dengan prosedur dan polisi yang dikemaskini dan disemak untuk menilai kesesuaian penderma daraah untuk menderma darah. Panduan ini adalah untuk membantu perkhidmatan transfusi darah di Brunei, dalam usaha untuk mewujudkan dan mengukuhkan sistem kebangsaan bagi pemilihan penderma darah di Brunei Darussalam<br><br>Buku maklumat dan Panduan Menderma Darah ini memuatkan langkah yang perlu diambil serta nasihat-nasihat yang bolek diikuti sebelum, semasa dan selepas menderma darah. Buku ini juga mengandungi maklumat maklumat mengenai pendermaan platelet melalui proses apheresis |
| Mengadakan Jerayawara mengenai Pendermaan Darah | | ✓ | | Untuk membantu mencapai kempen derma darah yang sangat berjaya dengan mendidik penderma darah syarat-syarat untuk menderma darah.<br><br>Untuk membantu mempromosikan kempen menderma darah untuk memaksimumkan jumlah darah yang diambil semasa kempen derma darah. | Beberapa tahun kebelakangan, Pusat Penderma Darah telah mendapati ramai penderma darah yang tidak dapat menderma darah daripada statistik tahunan penderma darah yang ditolak. Ini adalah kerana tahap hemoglobin yang rendah, tekanan darah tinggi / rendah, penderma tidak mempunyai tidur yang cukup, penderma tidak makan, mengambil ubat-ubatan dan lain-lain. Oleh sebab itu, Pusat derma darah mengambil inisiatif untuk menyediakan pameran bergerak di tapak kempen derma darah sebelum kempen derma darah untuk mendidik penderma darah dan juga untuk menggalakkan menderma darah dikalangan mereka yang tidak pernah menderma darah sebelum ini. |
| Pembekalan 'Chemical Spill Kit' dan 'Mercury Spill Kit' pada Perkhidmatan di bawah Jabatan Perkhidmatan Makmal dan Daerah. | | ✓ | | Untuk memberi perlindungan kepada pengguna Perkhidmatan Makmal (kakitangan, pembersih dan pelawat) jika terdapat insiden yang melibatkan *Chemical Spill* dan *Mercury Spill.* | Perkhidmatan Makmal ada menggunakan kimia dan merkuri yang boleh membahayakan pekerja jika tidak dikendalikan dengan cara betul. Jika ada berlakunya kemalangan yang melibatkan ketumpahan kimia dan merkri, Chemical Spill Kit dan Mercury Spill Kit diperlukan untuk membersihkan dan membuang dengan cara yang teratur. Pegawai keselamatan yang terlatih akan bertanggungjawab bagi menggunaka kit ini.<br><br>Pelan untuk pembelian spill kit telah direncanakan dalam mesyuarat keselamatan pada tahun 2013 yang mana dihadiri oleh komiti keselamatan. Tender, evaluation dan pembelian dilaksanakan pada tahun 2013 |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **JABATAN PERKHIDMATAN KEJURURAWATAN** | | | | | |
| Menyediakan Perancangan Strategik (PS) Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan, 2010-2014 | ✓ | | | Menyediakan peta hala tuju Jabatan bagi tempoh lima tahun selaras dengan tema strategik Jabatan Perhidmatan Kejururawatan iaitu Provide a Comprehensive Healthcare System for All through Excellent Nursing Services.<br><br>PS ini disediakan sebagai satu perancangan dalam memberikan perkhidmatan kejururawatan yang berkualiti seperti:<br>- Seiringan dengan tren terkini dalam aspek perubatan, teknologi dan perawatan berasaskan bukti dan amalan terbaik / *best practices* di era globalisasi;<br>- Mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran untuk penyediaan tenaga yang berkepakaran dalam bidangn penkhususan kejururawatan sejajar dengan matlamat skim perkhdimatan kejururawatan yang baru. | PS 2010-2014 telah diadakan pada tahun 2010<br><br>PS 2010 -2014 diwujudkan bagi menyediakan perkhidmatan sistem perawatan kejururawatan yang komprehensif merangkumi penjagaan berorientasikan pesakit, konsisten, berkualiti tinggi, selamat dan bermaklumat yang berasas bukti bagi meningkatkan tahap kualiti kehidupan. |
| Pengukuhan Lembaga Jururawat bagi Brunei:<br>a. Akta pendaftaran ;<br>b. Pengiktirafan institusi-institusi dan kursus-kursus<br>c. *Code of Ethics* dan *Code of Professional Conduct;*<br>d. *Core Competency Standards.* | ✓ | | | Memastikan Jururawat dan bidan yang bertugas adalah berdaftar dengan Lembaga supaya pengalaman kejururawatan di Negara Brunei Darussalam selamat dan terkawal;<br><br>Memastikan kelululsan/kelayakan adalah sejajar dengan ekspektasi dan piawaian pembelajaran dan pengalaman kejururawatan di negara ini.<br><br>Memastikan piawaian *Code of Ethics; Code of Professional COnduct* dan *Core Competency Standards* diserapkan dan dipatuhi dalam amalan perawatan kejururawatan harian. | Sepertimana yang termaktub di dalam Akta Pendaftaran Jururawat dan Akta Bidan, Semua jururawat dan Bidan kerajaan dan sekto swasta adalah dimestikan untuk berdaftar dengan Lembaga Jururawat bagi Brunei.<br><br>Pemantauan dilaksanakan dari masa kesemasa melalui konsultasi dengan organisasi kerajaan dan swasta. |
| Skim Perkhidmatan Kejururawatan Baru 2013 | ✓ | | | Syarat-syarat kelayakan dan kemasukan dalam skim perkhidmatan kejururawatan di semua peringkat adalah diberikan penekanan terutama kelulusan akademik yang tinggi, bagi mempastikan mutu dan kualiti bidang keujurawatan sentiasa relevan dan terjamin.<br><br>Penekanan terhadap mutu kualiti perkhidmatan kejururawatan dalam waktu jangka panjang.<br><br>Menarik minat atau berupaya merangsang calon menceburi bidang kejururawatan yang mana calon-calon dapat mempertingkatkan kerjaya mereka ke peringkat yang lebih tinggi.<br><br>Menseimbangkan keperluan skim dengan keperluan kursus yang ditawarkan di Institusi-institusi Pengajian Tinggi seperti Institute of Health Science, UBD.<br><br>Meningkatkan mutu bidang kejururawatan dengankelulusan sekurang-kurangnya diperingkat 'Diploma'.<br><br>Berupaya menjadikan anak-anak tempatan mempunyai atau menjawat jawatan kejururawatan ke tahap profesional iaitu Jururawat Praktitioner.<br><br>Skim Perkhidmatan Kejururawatan ini jika ditanda aras (bencmarki) dengna peringkat serantau dan antarabangsa, ianya adalah sebanding atau lebih baik.<br><br>Gelaran-gelaran jawatan yang mencerminkan pengkhususan bidang kejururawatan. | Skim Perkhidmatan Kejururawatan tahun 1993 diteliti dan semak semula memandangkan ianya belum mengambilkira kelayakan / kelulusan tinggi yang diperolehi kakiangan kejururawatan sebagai contoh kelulusan Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana<br><br>Skim Perkhidmatan Kejururawatan ini ditambah baik kerana mengambil kira oeredaran akademik dan keperluan kelulusan / kemahiran kejururawatan yang tinggi di era globalisasi yang separa dengan peningkatan kemajuan perubatan.<br><br>Sebagai daya tarik untuk pengambilan ke profesi kejururawatan<br><br>Jawatan Jururawat Praktitioner yang mana jawatan yang tertinggi yang ditawarkan kpada kakitangan kejururawatan. Jawatan Praktitioner adalah tanda kelayakan yang bertanda aras serta sebanding dengan negara-negara di peringkat serantau dan antarabangsa. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Garispandu mengikuti anugerah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Kejururawatan (LDP) bagi Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan | ✓ | | | Perkhidmatan Kejururawatan bagi pemilihan kakitangan kejururawatan yang bersesuaian untuk mengikuti kursus LDP janka panjang di luar/dalam negara. | Menepati keperluan yang digariskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam bilangan 02/2013 mengenai kelulusan dalam Bahasa Inggeris<br><br>Memastikan Jururawat yang berkelayakan untuk menyimbang kearah penambahbaikan perkhidmatan kejururawatan di Hospital dan pusat- pusat kesihatan<br><br>Pencapaian Bahasa Inggeris yang baik bagi menepati keperluan pendaftaran di Institusi pendidikan luar / dalam negara, Nursing and Midwifery Council di United Kingdom (Kegunaan Penempatan Klinikal) IELTS 6.0 bagi permohonan Advanced Diploma, IELTS 6.5 bagi permohonan Ijazah Sarjana Muda dan IELTS 7.0 bagi permohonan Ijazah Sarjana. GCE'O' Level sekurang-kurangnya 6.0 bagi permohonan LDP di dalam Negeri |
| **JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI** | | | | | |
| Penerbitan Buku Dasar Ubat Kebangsaan | ✓ | | | Menyelaras dan mengumpul dasar yang berkaitan dengan farmasi menjadi satu dokumen bagi memantapkan lagi perancangan, perkembangan dan dijadikan sebagai panduan halatuju perkembangan sektor farmaseutikal di Negara Brunei Darussalam. | Dasar ubat kebangsaan ini merupakan rangka kerja bagi penyelarasan aktivit-aktiviti faarmaseutikal di Negara Brunei Darussalam agar lebih bersistematik dan digunakan sebagai rujukan peta jalan yang proaktif, inovatif dan dinamik serta responsif keatas perubahan dan perkembangan senario global dan teknologi yang sentiasa berubah<br><br>Dasar Ubat Kebangsaan ini akan mengukuhkan lagi peranan kementerian kesihatan dalam melindungi keselamatan orang awam dengan penggunaan ubat yang berkualiti bagi mencapai kesihatan yang optima dan kesejahteraan masyarakat.<br><br>Penyediaan Dasar Ubat Kebangsaan Negara Brunei Darussalam telah dilaksanakan dengan bantuan teknikal dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). bermula dengan analisa situasi negara dari segi penjagaan kesihatan dan farmaseutikal dan seterusnya penghasilan satu draf Dasar Ubat Kebangsaan. Draf ini telahpun dibincangkan dan diteliti bersama semua pihak yang berkepentingan dalam sesi konsultasi (stakeholder consultation) pada oktober 2013. Perbincangan ini adalah amat penting untuk memastikan dasar ubat kebangsaan ini kemprehensif dan relevan untuk semua pihak yang berkaitan |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Peningkatan Infrastruktur dan Kemudahan Jabatan Perkhidmatan Farmasi | | ✓ | | Menambahbaik persekitaran kerja serta ruang kerja yang selesa dan selamat<br><br>Menjalankan perkhidmatan yang lebih sistematik dan berkualiti kepada pelanggan dalam menepati TPOR.<br><br>Memberikan perkhidmatan alternatif kepada orang ramai bagi pengambilan ubat dalam<br><br>usaha menambahbaik masa menunggu mengambil ubat.<br><br>Meningkatkan aktiviti penguatkuasaan, pemeriksaan dan pemantauan yang lebih selamat dan efektif. | Peningkatan infrastruktur dan kenudahan yang disediakan adalah mustahak bagi memastikan persekitaran kerja yang selesa dan selamat untuk tenaga kerja dan pelanggan. Ia juga membolehkan perkhidmatan yang diberikan lebih bersistematik dan efektif. Beberapa peningkatan infrastruktur dan<br><br>kemudahan telah dilaksanakan seperti berikut:-<br><br>1) Renovasi Infrastruktur Farmasi<br>- Hospital PIHM Tutong<br>ruang penyimpanan ubat ubatan diperbaharui<br><br>-Farmasi Pesakit Luar, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha<br><br>2) Perkhidmatan fast que di Farmasi Pesakit Luar, Hospital SSB<br><br>3) Penempatan stor ubat Farmasi Pesakit Luar Hospital RIPAS<br><br>4) Farmasi di Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, Hospital RIPAS<br><br>5) Kenderaan pancuan 4 roda kenderaan khas diperlukan untuk menjalankan aktviti pemeriksaan dan penguatkuasaan farmasi di seluruh negara |
| Meningkatkan perlaksanaan undang-undang dan dasar-dasar di bawah Jabatan Perkhidmatan Farmasi | ✓ | | | Memudahcara bagi perlaksanaan undang-undang dengan lebih efektif dan efisien dengan penghasilan berbagai garispandu dan risalah-risalah yang berkaitan.<br><br>Meningkatkan pengetahuan orang ramai dalam memudahkan pengendalian produk-produk yang dikawal sebelum dipasarkan. | i) Mengumpul Frequently Asked Question (FAQs) bagi prosedur notifikasi produk kosmetik<br><br>ii) Garispandu bagi permohonan lesen pengimport dan lesen pemborong (Import and Wholesale License)<br><br>iii) Garispandu bagi pengawalan regulatori produk suplement kesihatan |
| Meningkatkan kualiti Perkhidmatan | | ✓ | | Menambahbaik kepuasan pelanggan | Peningkatan Perkhidmatan farmasi di Pusat Pemprosesan Surat, Perkhidmatan pemeriksaan farmasi di pusat Pemprosesan Surat Pejabat Pos Lapangan Terbang Antarabangsa Lama Berakas dijalankan bagi memastikan produk yang dikawal di bawah Jabatan Perkhidmatan Farmasi yang diimport mematuhi undang-undang yang berkuatkuasa. Perkhidmatan ini ditingkatkan dari 4 kali kepada 6 kali seminggu kecuali ahri ahad dari jam 8 pagi hingga 12 tengah hari bagi menepati keperluan orang ramai |
| Program Pengukuhan Pendidikan Orang Awam berkaitan dengan farmasi | | | | Memberi makluma tkepada orang ramai mengenai perkhidmatan yang disediakan Jabatan Perkhidmatan Farmasi<br><br>Mendidik orang ramai mengenai ubat-ubatan termasuk kepatuhan pengambilan ubat dan ubat generik, pengawalan produk ubat, ubat tradisional, suplemen kesihatan dan produk kosmetik. | Program jerayawara farmasi diadakan selama 12 bulan yang bertujuan bagi meningkatkan pngetahuan orang ramai mengenai ubat-ubatan, produk kesihatan dan kosmetik dan pegawalannya, meberigakan perkhidmatan-perkhidmatan nilai tambah, dan mempromosikan profesion farmasi kepada kalangan penuntut.<br><br>Program juga bertujuan untuk mendapatkan tindakbalas dan cadangan dari orang awam untuk meningkatkan kualiti perkhidmata farmasi |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | ✓ | | Mempromosi profesion farmasi<br><br>**Objektif:**<br>Bagi meningkatkaan pengetahuan orang ramai mengenai perkhidamatan penguatkuasaan farmasi yang berkaitan dengan pengimportan produk di bawah kawalan Jabatan Farmasi dan Produk-Produk yang disenarai hitamkan. | Dalam usaha untuk meningkatkan pengetahuan orang ramai mengenai pengawalan regulatori produk di bawah Jabatan Farmasi beberapa risalah telah dihasilkan:<br><br>1) risalah bagi pengimportan produk di bawah kawalan farmasi untuk kegunaan persendirian<br><br>2) Buku senarai produk yang dicemari dengan bahan racun berjadual, ubat-ubatan barat dan bahan terkawal yang tidak diisytiharkan<br><br>3) Risalah maklumat mengenai produk - produk dalam kawalan Jabatan Perkhidmatan Farmasi |
| Pensijilan ISO 17025 bagi perkhidmatan makmal Bahagian Kawalan Mutu Ubat | | ✓ | | Bagi mendapatkan akreditasi dalam sistem pengurusan kualiti dan ujian-ujian makmal ke atas ubat farmaseutikal, uabt tradisional, produk tambahan kesihatan dan produk kosmetik mengikut piawaian antarabangsa ISO 17025 | |
| Menaiktaraf Pusat Dialisis Temburong | | ✓ | | Memberikan kemudahan kepada pesakit buah pinggang di daerah Temburong agar dapat menerima rawatan di dalam kawasan tadahan.<br><br>Memberi persekitaran yang lebih selamat dan selesa kepada pesakit Hemodialisis. | Jumlah pesakit yang menjalani rawatan Hemodialisis semakin meningkat di daerah Temburong serta tempat rawatan Hemodialisis telah penuh.<br><br>Dapat menambah bilangan tempat rawatan hemodialisis dari 8 kepada 16 'dialysis point' yang akan menambah kapasiti rawatan hemodialisis dari 32 orang kepada 64 orang. |
| Menambahbaik Wad1 menjadi Unit Hemodialisis untuk pesakit di wad Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait | | ✓ | | Menyediakan kemudahan rawatan hemodialis untuk pesakit yang berada di dalam wad di hospital BSB.<br><br>Menyediakan kemudahan tempat rawatan hemodialisis bagi pesakit yang memernlukan pengasiangan seperti pesakit Tuberclosis MRSA dan HIV. | Tiada tempat rawatan HD di dalam bangunan Hospital SSB dimana pesakit terpaksa ke Pusat Dialisis Kuala Belait (bangunan berasingan) untuk menerima rawatan<br><br>Tiada tempat rawatan hemodialisis untuk pesakit yang memerlukan pengasingan. |
| Penambahan 'Dialysis Points' di puasat dialisis Kuala Belait | | ✓ | | Memberikan kemudahan kepada pesakit buah pinggang di daerah Belait agar dapat menerima rawatan di dalam kawasan tadahan.<br><br>Memberi persekitaran yang lebih selamat dan selesa kepada pesakit Hemodialisis. | Jumlah pesakit yang menjalani rawatan Hemodialisis semakin meningkat di daerah Belait seta tempat rawatan Hemodialisis telah penuh.<br><br>Dapat menambah bilangan tempat rawatan hemodialisis dari 19 kepada 27 'dialysis point' yang akan menambah kapasiti rawatan hemodialisis dari 114 orang kepada 162 orang. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Menaiktaraf Perkhidmatan Renal Di Pusat Dialisis Rimba | | ✓ | | Untuk menambah tempat rawatan hemodialisis bagi menampung jumlah pesakit hemodialisis yang semakin bertambah di Negara Brunei Darussalam terutama di Daerah Brunei Muara<br><br>Untuk memindahkan perkhidmatan Klinik Renal di Hospital RIPAS bagi keselesaan pesakit serta mengurangkan waktu menunggu.<br><br>Untuk memperkembangkan perkhidmatan Peritonil Dialisis | Pusat Dialisis Rimba adalah Pusat Dialisis Utama Negara ini dan kesemua pesakit baru yanf telah stabil akan dipindahkan ke pusat ini dari hospital RIPAS. Pusat ini emmpunyai 45 'dialysis points' yang kesemuanya telah penuh digunakan untuk pesakit ESRD. Perancangan untuk menambah 10 'dialysis points'.<br><br>Klinik Renal di RIPAS tidak mempunyai bilik konsultasi lagi untuk menambah dan Perkembangan Perkhidmaatan Klinik Renal .<br><br>Untuk meningkatkan jumlah pesakit ESRD yang memilih rawarna Peritonil Dialisis. |
| Program Pemindahan Buah Pinggang di Negara Brunei Darussalam | | ✓ | | Untuk meningkatkan jumlah pesakit ESRD yang memilih rawarna ini.<br><br>Supaya pesakit yang sebelum ini tidak dapat keluar negeri yntuk menjalani pemindahan buah pinggang disebabkan masalah keluarga, kewangan akan dapat menjalani pembedahan ini kerana ia diadakan di dalam negeri. | Jumlah pesakit berminat memilih kaedah rawatan ini meningkat selepas ianya diadakan di dalam negeri. |
| Publication oleh doktor-doktor renal | | | ✓ | Untuk meningkatkan pembelajaran klinikal bagi semua Konsultan dan Pegawai Perubatan Renal | |
| Program memasukkan kateter Y-tech bagi pesakit peritonil dialisis (PD) | | | ✓ | Untuk memendekkan masa menunggu memulakan rawatan PD.<br><br>Untuk meningkatkan jumlah pesakit ESRD yang memilih rawatan PD. | Menjemput Konsultan Dr Adrian daripada Tan Tock Seng Hospital Dingapura untuk melatih doktot serta Jururawat PD Brunei semasa memasukkan kateter Y-Tech. |
| **JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN MASYARAKAT** | | | | | |
| NCD Campaign Evaluation Study 2014-2015 | | | ✓ | Untuk mengetahui tahap kesedaran dan keberkesanan Kempen Kebangsaan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit-Penyakit tidak berjangkit.<br><br>Kearah mencapai sistem penjagaan kesihatan yang komprehensif dan menekankan kecemerlang perkhidmatan. | Jabatan ini terlibat sebagai pengawas penyelidik dengan Pusat Promosi Kesihatan. |
| Sistem Perjanjian di Pusat-pusat Kesihatan. | | ✓ | | Meningkatkan kualiti Perkhidmatan Penjagaan Asasi<br><br>Mengurangkan waktu menunggu bagi waktu di pusat kesihatan<br><br>Membolehkan pesakit diperiksa dan dirawat dengan teratur dan sistematik.<br><br>Pemeriksaan dan rawatan yang berkualiti dalam amsa yang lebih kondusif untuk meningkatkan 'Patient satisfaction'. | Melaui sistem perjanjian ini:<br>- Pesakit dapat mengetahui jangkaan masa menunggu<br>- pesakit dapat memanfaatkan masa semasa menunggu untuk berjumpa doktor.<br><br>Jururawat terutama terlatih di kaunter perjanjian dapat memberikan perjanjian mengikut keutamaan ('prioritisation') seperti kes-kes kecemasan atau segera ('semi-urgent') |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| *Nurse-le* d Klinik Pemeriksaan Kesihatan (Helath Screening Clinics) | | | ✓ | Program ini berfungsi sebagai program penyaringan untuk mengesan dan kronik seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis dan tinggi kolesterol pada peringkat awal paa individu yang tidak mempunyai simptoms atau tanda-tanda penyakit kronik.<br><br>Menjana ke arah kehidupan yang berkualiti dengan menanamkan kesedaran serta konsep kesihatan diri adalah tanggungjawab bersama. | ~Kumpulan sasaran:<br>- Warganegara Brunei dan Penduduk Tetap di dalam kawasan tadahan Pusat Kesihatan berdekatan<br>- Berumor 40 tahun keatas<br>- Pesakit yang mempunyai perjanjian berterusan (Follow-up appointment) pesakit kronik di Pusat/Klinik Kesihatan atau Klinik Pakar di Hospital adalah dikecualikan<br><br>~Ianya dkendalikan oleh jururawat terlatih.<br>~ Pemeriksaan dan khidmat yang diberika adalah:<br>- Pemeriksaan berat badan<br>- Pemeriksaan tekanan darah<br>- Pemeriksaan gula dalam darah<br>- Pemeriksaan tahap kolestrol<br>- Khidmat nasihat dari jururawat<br>- Rujuk kepada doktor atau pakar (jika perlu) |
| Perkhidmatan Klinik Berhenti Merokok | | ✓ | | Untuk memberikan khidmat kounselling dan ubat untuk pesakit yang ingin berhenti merokok. | ~ Merokok telah terbukti sebagai salah satu factor risiko untuk menghidap penyakit kanser dan kardiovaskular.<br><br>~ Berhenti merokok juga terbukti boleh mengurangkan risiko tersebut.<br><br>~ Pesakit dinasihatkan untuk berhenti merokok.<br><br>~ klinik ini ditubuhkan bagi menangani kes kes tersebut. |
| Klinik UKTB Screening | | ✓ | | Klinik ini telah ditubuhkan kerana pihak United Kingdom telah memandatkan pemeriksaan kesihatan bagi semua pemohon VISA ke United Kingdom | ~ Satu klinik khas telah ditubuhkan di Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan bermula bulan Ogos 2014 yang di jalankan dengan kerjasama dari doktor di Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi dan Bahagian Kesihatan Kerja.<br><br>~ Tatacara prosedur kerja telah dihasilkan pada tahun 2014. |
| Dasar Sijil Cuti Sakit bagi Penuntut *(Student Sick Certificate)* | ✓ | | | ~ Untuk mengurangkan jumlah pesakit yang berkunjung ke pusat/klinik kesihatan yang hanya memerlukan sijil cuti sakit.<br>~Untuk mengurangkan masa menunggu bagi pesakit yabg lebih memerlukan perhatian doktor atau Jururawat Praktitioner. | ~ Telah dikuatkuasakan di seluruh negara bermula 1 Mei 2014.<br>~ Sijil cuti sakit tidak diberikan kepada murid/penuntut sekolah yang hanya memerlukan cuti sakit selama tidak lebih 3 hari dalam satu minggu. Disebabkan oleh kes-kes ringan seperti demam panas, batuk dan selesma, ciri-birit sebagainya. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Mengemaskinikan *Primary Health Care Resuscitation Trolleys* untuk pusat dan klinik kesihatan | ✓ | | | Untuk meningkatkan kualiti pengurusan klinikal memastikan semua resuscitation trolley di pusat-pusat kesihatan adalah standardized. | ~ *Primary Health Care Resuscitation Trolleys guidelines (2nd edition)* telah dikemaskinikan untuk kegunaan dipusat dan klinik kesihatan.<br>~ Resuscitation trolleys adalah satu keperluan yang kritikal di pusat-pusat kesihatan dan klinik kesihatan bagi mengenai kes-kes kecemasan.<br>~ Dari itu, peralatan, kelengakapan dan ubat-ubatan yang ada mestilah mencapai paiwaian antarabangsa dan semua senarai ubat-ubatan adalah di tahap yang seragam dan tidak mansuh. |
| Menghasilkan Garispandu Klinikal MERS-CoV | ✓ | | | ~ Untuk meningkatkan kualiti pengurusan klinikal.<br>~ Menyediakan garispandu klinikal bagi pengendalian kes-kes jangkitan MERS-C0V di Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi. | ~ Garispandu klinikal untuk menganagni pesakit MERS-CoV di Pusat-pusat kesihatan<br>~ Garispandu ini dipraktikkan disemua peringkat seperti di klinik Lapangan terbang Antarabangsa Brunei, di semua pusat kesihatan dan pelabuhan jika diperlukan. |
| Menghasilkan Garispandu Klinikal Jangkitan Ebola. | ✓ | | | ~ Untk meningkatkan kualiti pengurusna klinikal<br>~ Bagi memastikan satu garispandu sedia ada bagi menanagani kes-kes jangkitan Ebola.<br>Garispandu adalah untuk digunakan di semua peringkat di Bahagian Penjagaan Kesihatan Asasi. | ~ Garispandu Klinikal Jangkitan Ebola dihasilkan:<br>- Untuk kegunaan Bahagian Penjagaan Kesihatan Asasi bagi menangani kes-kes yang disyaki atau berisiko tinggi<br>- Memastikan tatacara pengendalian kes-kes di Bahgian Penjagaan Kesihatan Asasi adalah seragam, mengikut piawaian anatarabangsa dan berasakan bukit (*evidence-based* ) |
| Menghasilkan Garispandu Klinikal *Bastroenteritis* bagi kanak-kanak | ✓ | | | ~ Untuk mengingkatkan kualiti pengurusan klinikal.<br>~ Bagi memastikan satu garispandu sedia ada bagi menangani kes-kes gastroenteritis di Bahagian Penjagaan Kesihatan Asasi terutama bagi kanak-kanak.<br>~ Garipandu adalah untuk digunakan di semua peringkat di Bahagian Penjagaan Kesihatan Asasi. | ~ Gastroenteritis adalah satu penyakit yang biasa dan *'self-limiting'* iaitu baik sendiri.<br>~ Akan tetapi ianya sangat merbahaya dab boleh membawa maut jika tidak diuruskan dengan betul.<br>~ Garispandu Klinikal jangkitan gastroentritis adalah untuk kengunaan Bahagian Penjagaan Kesihatan kes-kes yang disyaki atau berisiko tinggi.<br>~ Garispandu klinikal di hasilkan adalah bagi memastikan yang tatacara pengendalian kes-kes di Bahagian Penjagaan Kesihatan Asasi adalah seragam, mengikut piawaian antarabangas dan berasakan bukti *(evidence-based)* |
| Mengemaskini Garispandu Klinikal Denggi. | ✓ | | | ~ Untuk mengingkatkan kualtiti pengurusan klinikal.<br>~ Garispandu klinikal bagi menangani kes denggi di Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi. | ~ Penyakit denggi adalah satu penyakit yang sering berlaku apabila seseorang terkena gigitan nyamuk yang telah dijangkiti oleh virus denggi.<br>~ Garispandu klinikal ini adalah untuk meningkatkan kualiti pengurusan klinikal bagi pesakit yang diserang penyakit denggi. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Mengemaskini Garispanduan Klinikal Tekanan Darah Tinggi. | ✓ | | | Untuk meningkatkan kualiti pengurusan klinikal dari segi penyakit tekanan darah tinggi. | ~ Penyakit darah tinggi adalah satu penyakit yang biasa ditangani di Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi. Ianya adalah salah satu daripada penyakit tidak berjangkit.<br>~Ada Beberapa pembaharuan telah dikeluarkan oleh garispandu antarabangsa mengikut piawaian antarabangsa.<br>~ Daritu, pembaharuan kepada garispandu pada bahagian perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi adalah diusahakan. |
| Mengemaskini Borang dan Garispandu Aduan | ✓ | | | Untuk meningkatkan kualiti pengursan klinikal bagi memastikan aduan dari orang ramai dan klien adalah teratur. | ~ Aduan dari pihak klien dan pesakit yang menggunakan perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi adalah sangat penting untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan yang diberikan.<br>~ Borang aduan yang sedia ada perlu diperbaiki dan juga prosedurnya diperbaiki untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang. |
| Menghasilkan Garispanduan 'Sistem Perjanjian di Pusa-pusat Kesihatan jika Slot Perjanjian Penuh' | ✓ | | | Untuk meningkatkan kualiti pengurusan klinikal bagi pesakit yang memerlukan perjanjian untuk berkonsultasi dengan doktor dipusat kesihatan. | ~ Dengan pengenalan system perjanjian, banyak klien yang mengadu yang mereka tidak dapat berjumpa dengan dokotr.<br>~Perkara ini telah dambil maklum.<br>~ Akan tetapi system perjanjian ditubuhkan bagi memastikan yang pesakit akan mendapat konsultasi dengan waktu yang maxima dan effektif.<br>~Wakaubagaimanapun, disebabkan oleh 'pressure' dari pesakit, pihak kami terpksa membuat satu sistem untuk menambah pesakit bagi seorang doktor dalam satu masa yang terhad. |
| Menghasilakn Garispandu *Triage* Di Pusat-pusat Kesihatan pada apriil 2014 | ✓ | | | Untuka meningkatkan kualtiti pengursan klinikal bagi *triage* counter di pusat-pusat kesihatan. | Ada berberapa bukit yang menunjukkan yang *triage* dipusat kesihatan boleh menolong pesakit iaitu dari segi pesakit yang memerlukan rawatan awal berbanding dengan pesakit yang lain. |
| Mengemaskinikan Program Latihan Asas Bagi Doktor-doktor penjagaan kesihatan asasi | | | ✓ | Program Latiuhan Asas dikemaskinikan mengikut keperluan latihan Negara Brunei Darussalam dan piawaian Antarabangsa. | ~ Diungkayahkan oleh *Primary Health Care Post-Gradute Traning Committee (PHC-PGTC)*<br>~ Latihan Asas telah berjalan selama 15 tahun.<br>~ Keperluan pengemaskinian diperlukan mengikut piawanan antarabangsa dan jua keperluan latihan di Negara ini.<br>~ *Upgrading* buku log juga diperlukan bagi memastikan para doktor pelatih mendapat latihan yang maksima dan effective. |
| Kajiselidik yang bertajuk:<br>*' The effectiveness of Appointment System in Improving Waiting Time and Patients' Satisfaction in Brunei Darussalam'* | | | ✓ | Satu kajiselidik untuk memperbaiki sistem perjumpaan dengan doktor. | ~ Membandingkan masa menunggu untuk konsultasi doktor diantara pusat-pusat kesihatan sistem perjanjian dan mereka yang menggunakan sistem walk-in.<br>~ Mengenai pasti faktor-faktor yang boleh menjejaskan masa menunggu antara pusat-pusat kesihatan.<br>~ Menilai kepuasan pesakit dengan sistem perjanjian di 4 pusat kesihatan yang menggunakan sistem perjanjian mengenalpasti penambahbaikan dalam sistem sekarang. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Chgronic Disease Booklet | | ✓ | | Untuk meningkatkan kualiti pengurusan klinikal dari segi penyakit kronik | Buku ini adalah buku peribadi bagi pesakit yang mengidap penyakit kronik dan mengandungi informasi mengenai ubat, keputusan darah dan perjanjian mereka. |
| Projek printis bagi *Exercise Prescription* di Pusat Kesihatan Muara dan Pusat PAPHMWHB, Gadong | ✓ | | | Projek perintis untuk kegiatan fuzukal bagi pesakit yang berisiko tinggi | ~ Bermula pada 11 Ogos 2014.<br>~ Projek ini adalah projek yang diungkayahkan bersama dengan Pusat Promosi Kesihatan. |
| Basikalton & Saringan Kesihatan di Pusat Kesihatan di (Pusat Kesihatan PAPHMWHB, Gadong) anjuran MPK Rimba | | | ✓ | Salah satu kegiatan memperomosikan kesihatan kegiatan untuk beramah mesra dan mempermosikan kesihatan dengan pihak penduduk dibawah tadahan Pusat Kesihatan PAPHMWHB Gadong | ~ Anjuran Jawatankuasa Memperomosikan Kesihatan (Pusat Kesihatan PAPHMWHB, Gadong) dan anjuran MPK Rimba.<br>~ Dilaksanakan pada Januari 2014 |
| Mukim Sihat di (Pusat Kesihatan PAPHMWHB, Gadong) | | | ✓ | Berkerjasama dengan ahli penduduk kampong-kampong dibawah tadahan Pusat Kesihatan PAPHMWHB, Gadong mengenai dengan promosi kesihatan. | ~ Anjuran Jawatankuasa Mempromosi Kesihatan (Pusat Kesihatan PAPHMWHB, Gadong).<br>~ Dilaksanakan pada 20 April 2014 |
| Permakanan Sihat di mukim dibawah tadahan Pusat Kesihatan Jubli Perka Sengkurong) | | | ✓ | Berkerjasama dengan ahli pendudk kampong dibawah Jubli Perak Sengkurong mengenai dengan promosi Kesihatan termasuk penjagaan makanan, kesihatan gigi dll. | ~ Anjuran Jawatankuasa Memperomosi Kesihatan (Pusat Kesihatan Jubli Perk Sengkurong)<br>~ Dilaksanakan pada 21 November 2014. |
| Pemeriksaan dan Saringan Kesihatan serta promosi kesihatan di Sekolah Vokasional Wasan | | | ✓ | Berkerjasama dengan ahli penduduk kampong-kampong dibawah tadahan Pusat Kesihatan Pengkalan Batu mengenai dengan promosi kesihatan termasuk penjagaan makanan, Kesihatan dll. | ~ Salah satu projek Kemasyarakatan *(Community Outreach Projects).*<br>~ Dijalankan semasa hari terbuka Sekolah Vokasional Wasan pada 8-10 Mac 2014 |
| Pemeriksaan dan Saringan Kesihatan serta promosi kesihatan di Airport Mall | | | ✓ | Berkerjasama dengan ahli penduduk kampong-kampong dibawah tadahan Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan mengenai dengan promosi kesihatan termasuk penjagaan makanan, Kesihatan dll. | ~ Salah satu projek Kemasyarakatan *(Community Outreach Projects).*<br>~ Dijalankan semasa hari terbuka Sekolah Vokasional Wasan pada 28-30 Mac 2014 |
| Pemeriksaan dan Saringan Kesihatan serta promosi kesihatan di Pantai Muara | | | ✓ | Berkerjasama dengan ahli penduduk kampong-kampong dibawah tadahan Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan mengenai dengan promosi kesihatan termasuk penjagaan makanan, Kesihatan dll. | ~ Salah satu projek Kemasyarakatan *(Community Outreach Projects).*<br>~ Dijalankan semasa Pesta Pantai Muara yang dikelolakan oleh Mukim Serasa pada 5-7 Disember 2014 |
